

26 AUG 2003

Mahathir-Kampus (Bergambar)

PM SEMPURNAKAN PECAH TANAH KAMPUS 2 SHAH ALAM

SHAH ALAM, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini menyempurnakan acara pecah tanah projek Kampus 2 Shah Alam iaitu kampus tambahan kepada kampus induk Universiti Teknologi Mara (UiTM).

Acara itu berlangsung secara simbolik di kampus induk UiTM di sini. Majlis itu turut diadakan sempena perasmian Festival Kemerdekaan UiTM 2003 (FESKEM 2003) oleh Perdana Menteri.

Pembangunan Kampus 2 Shah Alam yang terletak di Bandar Puncak Alam, Kuala Selangor dekat sini, bertujuan menampung keperluan mendesak UiTM untuk menyediakan ruang pembelajaran bagi pelajarannya.

Kerajaan meluluskan pembangunan kampus tambahan itu pada Mei 2001.

Kampus induk UiTM yang dibina lebih 30 tahun lalu bagi menampung 20,000 pelajar kini menempatkan 43,000 pelajar.

Menurut kenyataan UiTM, Kampus 2 Shah Alam itu mampu menempatkan 20,000 pelajar.

Kampus baru itu yang akan didirikan di atas tapak seluas 400 hektar bakal menyediakan 15 buah fakulti dan jabatan akademik bersama kemudahan berpusat berkelompok.

Kampus bahagian Satelit A akan menempatkan Fakulti Seni Persembahan dan Sukan Rekreasi, Satelit B - Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu dan Teknologi, Maklumat dan Komunikasi manakala Satelit C

- Fakulti Perniagaan dan Undang-undang.

Kampus baru itu akan menempatkan 3,300 pelajar program diploma, 16,700 pelajar program ijazah dan ijazah lanjutan serta 3,000 kakitangan akademik dan bukan akademik.

Menurut UiTM, kampus itu juga akan menyediakan ruang bagi UiTM untuk membangunkan Fakulti Perubatan serta "Teaching Hospital" yang mampu memuatkan antara 800 dan 1,000 katil.

U-Wood Holdings Bhd yang dipilih melaksana projek itu dijangka akan memulakan kerja pembinaan akhir tahun ini. Kampus itu dijadual siap 2010.

Sementara itu, pelbagai program telah diatur sempena FESKEM 2003 yang bermula 18 Ogos hingga 31 Ogos ini. Antaranya, pertandingan debat Piala Naib Canselor UiTM, Sukaneka Kemerdekaan, pertandingan pentomin kemerdekaan dan kibaran jalur gemilang.

-- BERNAMA

LES MOZ